ISLAM DAN BAHASA MELAYU NUSANTARA: CABARAN DAN MASA DEPAN

AHMAD AZAM ABDUL RAHMAN
Presiden Wadah Pencerdasan Ummah (WADAH)
Pesuruhjaya Hak Asasi Manusia OIC

Muktamar Ilmuan Patani Nusantara 2019
Majlis Agama Islam Wilayah Yala
15 Muharram 1441 Hijrah
15 September 2019

MUQADDIMAH

[1] Persoalan utama dalam usaha kita menghuraikan wacana ini ialah *bagaimanakah perkaitan antara Bahasa Melayu dan Islam menjadi sedemikian rapat sehinggakan ia membawa kepada proses transformasi pemikiran yang hebat di Alam Melayu ini?*[1]

[2] Kita wajar memahami bahawa keterkaitan ini bukannya satu jalinan hubungan yang longgar; sebaliknya ia bersifat *simbiotik* – saling kukuh mengukuh antara kedua-duanya. Jalinan hubungan ini sebenarnya mendahului (*precede*) satu lagi proses penting yang kini kita kenali sebagai proses pengislaman atau islamisasi yang telah membawa perubahan total kepada citra budaya di Alam Melayu.

Meskipun proses islamisasi ini mengalami cabaran penjajahan selama 400-500 tahun yang lalu, apa yang lebih penting kini ialah cabaran yang muncul ratusan tahun lalu masih menjelma – malah lebih genting lagi – ketika ini. Kita tidak lagi boleh menyalahkan penjajah atau kuasa luar sekiranya kita gagal menangani kemelut yang akan dikupas selanjutnya ini.

[3] Wacana ini akan menelusuri kedatangan Islam ke Alam Melayu yang kemudiannya berperanan secara instrumental mengislamisasikan bahasa umat manusia di sebelah sini dan seterusnya melakukan proses islamisasi yang hasilnya bukan kepalang.

Proses islamisasi yang hanya tergendala oleh rempuhan proses penjajahan dan pembaratan berjaya merevolusikan pemikiran

[1] Istilah *Nusantara* dan *Alam Melayu* akan digunakan silih berganti. Secara kasarnya, kedua-dua istilah ini disifatkan sebagai membawa maksud yang tidak jauh berbeza khususnya dari aspek geografi dan demografi.

keilmuan dan mentransformasikan kemanusiaan di Alam Melayu. Seterusnya kita akan menyentuh dua (2) cabaran utama di masa hadapan iaitulah (i) cabaran keilmuan – sebagai lanjutan kepada proses penjajahan yang telah berlalu, dan (ii) cabaran survival ummah lantaran fokus kuasa-kuasa besar di Alam Melayu ini – satu lagi lanjutan pemikiran abad lalu yang sering terlepas pandang.

ISLAM, BAHASA DAN PROSES ISLAMISASI

[4] Kita wajar bertanya: "Apakah wujud apa yang dinamakan bahasa-bahasa Islam? Sekiranya wujud, bagaimanakah proses sesuatu bahasa itu dibentuk menjadi satu bahasa Islam?" Persoalan ini antara lain dapat menghuraikan keterkaitan rapat antara Bahasa Melayu dan Islam.

[5] Sesungguhnya persoalan ini sudahpun diselesaikan secara tuntas di dalam Syarahan Pengukuhan oleh Profesor Dr Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam bulan Januari 1972, hampir 50 tahun yang lalu.[2] Katanya, hakikat bahawa para pendakwah awal dari kalangan orang-orang Arab Muslim *sengaja memilih* bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di Alam Melayu bukanlah sesuatu yang tidak disengajakan. Ia tidak berlaku secara kebetulan.

Hakikatnya ialah wujud kesamaan antara bahasa Arab sebelum Islam dan bahasa Melayu sebelum kedatangan Islam. Para pedagang Arab sudah tiba di Alam Melayu ketika zaman jahiliyah lagi – berinteraksi dengan masyarakat Melayu di zaman kuno. Meskipun bahasa Melayu Lama (sebelum Islam) sudahpun menjadi bahasa perantaraan berdagang, namun penggunaannya sebagai *lingua franca* tidaklah meluas kerana pada zaman pra-Islam, perdagangan di Nusantara tidaklah meluas pasarannya. Kerana itulah bahasa Melayu Lama tidak berkembang dari sebuah bahasa perdagangan selama berkurun-kurun menjadi bahasa sastera – jauh sekalilah menjadi bahasa pemikiran.

[6] Sama seperti bahasa Arab jahiliyyah, bahasa Melayu Lama (sebelum Islam) hanyalah satu bahasa perdagangan – yang belum disarati dengan istilah-istilah mitos dan falsafah agama-agama sebelum kehadiran Islam. Kedua-duanya lebih "suci dan bebas" dari digunakan sebagai bahasa perantaraan agama sepertimana Latin kepada agama Kristian.

---

[2] Lihat Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972) *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), halaman 36-44.

Buku setebal 77 halaman ini merupakan Syarahan Pengukuhan pelantikan pada jawatan Profesor Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), yang diucapkan pada 24 Januari 1972.

Bahasa Melayu tidak dijadikan bahasa pengantar kepada agama Hindu-Buddha di Alam Melayu sebelum kedatangan Islam.

[7] Lantaran itulah juga Al-Qur'an bukanlah diturunkan di dalam bahasa Arab yang samar-samar; ia hadir sebagai sebagai satu bahasa saintifik (menerusi sistem akar kata)[3] dan bersifat ilmu pengetahuan; penerangannya adalah "penjelasan (*bayan*), sebagai sesuatu yang sudah jelas (*mubin*) yang dengan sendirinya membuktikan diri (*bayyinah*)."[4]

Di dalam tulisan beliau, *Historical Fact and Fiction* (2011), Profesor al-Attas menjelaskan sekali lagi keyakinan beliau yang pernah dinyatakan di dalam *Risalah Untuk Kaum Muslimin* (2001) dan *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu (1972)* bahawa orang-orang Arab Islamlah yang mula-mula datang dengan agama dan Al-Qur'an – yang memulakan proses pendakwahan dan pengislaman di Alam Melayu sehinggakan akarnya merebak ke seluruh pelusuk Nusantara dan menggenapi setiap sudut pemikiran, lalu menjadi keyakinan kukuh umat Melayu di sini sehinggalah ke hari ini.

[8] Pengislaman umat Melayu di Nusantara ini didahului dengan pengislaman bahasa Melayu kerana menerusi bahasalah sesuatu pemikiran itu terpancar. Sejarah ini menjadi lebih penting kerana pemikiran umat Melayu masih kuat ketika itu dikabuti konsep-konsep kepercayaan Hindu-Buddha.

Menerusi pengislaman bahasa Melayu, konsep-konsep utama di dalam Islam seperti konsep Tuhan, konsep insan, konsep agama (*din*), konsep nubuwwah, konsep taqwa, konsep dunia dan akhirat, dan sebagainya diperjelaskan dan ditanam di dalam pemikiran umat; yang kemudiannya tergabung dan terpancar sebagai pandangan hidup Islam (*Islamic worldview*) yang sama sekali bertentangan dengan konsep kepercayaan Hindu-Buddha. Proses pendakwahan dan pengislaman bahasa ini jugalah yang membezakan antara bahasa Melayu yang lama dan bahasa Melayu baru. Kemudiannya pengislaman bahasa akan mengislamkan pemikiran dalam pengertian perubahan dari aspek pemahaman konsep-konsep utama dalam agama Islam yang membentuk pandangan hidup Islam.

---

[3] Umpamanya kalimah *Din* berasal dari akar kata *dal-ya-nun* – yang antara lain membawa maksud *keadaan berhutang*. Contoh lain ialah akar kata kepada kalimah *ilmu* ialah *'ayn-lam-mim* yang kemudiannya menerbitkan kalimah-kalimah seperti *'alamat* atau *'alam*.

Lihat Syed Muhammad Naquib al-Attas (2001) *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam. Halaman 105-106.

[4] Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972), halaman 38.

[9] Inilah satu proses besar yang benar-benar menepati definisi pengislaman: "Islamisasi adalah pembebasan manusia, pertama daripada tradisi tahyul, mitos, animis, kebangsaan dan kebudayaan, dan selepas itu (pembebasan) akal dan bahasa daripada pengaruh sekularisme".[5] Ternyata proses islamisasi itu mempunyai dua langkah iaitu pembebasan diri (*liberation*) dan kemudiannya pengembalian diri (*devolution*) kepada kejadian *fitrah*. Tegasnya, islamisasi akal dan pemikiran berlaku menerusi islamisasi bahasa.

Dengan pengislamannya bahasa Melayu, maka ia terangkai di antara bahasa-bahasa yang lain yang dikenali sebagai bahasa Islam seperti bahasa Urdu, bahasa Turki dan bahasa Swahili. Sepertimana perubahan-perubahan besar yang dibawa oleh pengislaman bahasa-bahasa Urdu, Turki dan Swahili di rantau masing-masing, pengislaman bahasa Melayu dan proses pendakwahan ini telah terbukti di dalam sejarah di mana proses pengislaman telah merevolusikan dunia keilmuan dan mentransformasikan kemanusiaan di Alam Melayu.

REVOLUSI KEILMUAN DAN TRANSFORMASI KEMANUSIAAN ALAM MELAYU

[10] Di dalam *Seminar Negara Bangsa* pada 7 September 2019 yang lalu, Anwar Ibrahim menimbulkan kritikan terhadap elit Melayu yang kehilangan akar, dan khalayak bukan Melayu yang terpengaruh dengan gejala *Islamophobia* sehinggakan pengalaman sejarah Islamisasi di Alam Melayu tidak dipedulikan.

Dari rentetan sejarahnya, manusia kolonialis seperti Stamford Raffles, di dalam karyanya, *The History of Java,* telah menyingkap pengalaman Kepulauan Melayu yang berada di bawah pengaruh Hindu-Buddha lalu merumuskan bahawa budaya Hindu-Buddha itu begitu kuat dan padu dalam budaya, keyakinan dan kepercayaan masyarakat di Kepulauan Melayu khususnya Pulau Jawa. Sebab itu, menurut Raffles, kedatangan Islam telah melemahkan semangat dan kekuatan budaya di Alam Melayu. Frank Swettenham juga melakarkan gambaran yang sama mengenai masyarakat Melayu. Sedikit sebanyak karya-karya manusia kolonialis seperti ini telah mempengaruhi disiplin sejarah dan budaya di rantau ini dan terus dibaca sehingga kini. Ketika itu, belum ada istilah *Islamophobia* yang diungkapkan. Kita kini sudah merdeka. Dan kita sudah sepatutnya menilai pengalaman sejarah dari perspektif kita sendiri.

[11] Sejarah turut mencatatkan bahawa proses pengislaman yang berlaku di Alam Melayu telah melahirkan pemikir-pemikir dan ulama-ulama

---

[5] Lihat Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978) *Islam and Secularism.* Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Halaman 41-42.

besar seperti Hamzah Fansuri, Abdul Rauf Singkel, Nuruddin ar-Raniri, Shamsuddin as-Sumatrani, dan Daud al-Fatani.[6] Sedangkan hakikatnya ketika zaman Hindu-Buddha, tiada pemikir besar Nusantara yang dikemukakan yang lahir dari pengalaman tamadun-tamadun tersebut, meskipun umat Melayu tidak menafikan kehadiran pengaruh Hindu-Buddha di dalam masyarakat Alam Melayu; namun, paksi ketamadunan yang mentakrif citra Alam Melayu dan budaya tempatan sehinggalah ke hari ini ialah peranan Islam yang begitu *defining* sifatnya.

[12] D dalam seminar tersebut, Anwar Ibrahim turut menelusuri sejarah perkembangan intelektual di Alam Melayu seperti karya-karya pemikiran tasawwuf Hamzah Fansuri yang telah ditelaah oleh Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas menerusi karyanya, *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Begitulah juga dengan tulisan-tulisan Shaykh Daud al-Fatani yang mengadunkan kupasan fiqh ibadat dengan konsep-konsep besar pemikiran Islam seperti konsep keadilan (*'adl*).

[13] Manakala di dalam Syarahan Pengukuhan pada tahun 1972 itu, Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas telah memetik pandangan seorang sejarawan Barat iaitu Henri Pirenne di dalam dua karyanya iaitu *Muhammad and Charlemagne* (1958) dan *A History of Europe* (1967). Karya Henri Pirenne menjelaskan bahawa yang dikatakan perubahan pengaruh budaya sesuatu rantau itu bukan semata-mata kerana adanya pengaruh pelbagai budaya, tetapi kerana wujudnya *pengaruh tertentu* di dalam sejarah yang telah mengakibatkan satu perubahan yang besar.

Rumusan ini didasarkan kepada evolusi pengalaman sejarah Eropah. Katanya, kemunculan Eropah Moden itu berlaku hasil pertembungan kekuatan dua budaya dunia iaitu kekuatan Kristian dan Islam – dan kerana pengaruh ilmu, budaya, bahasa dan sejarah Islamlah, maka terbentuk satu wajah baru Eropah Barat yang kini dikenali sebagai Eropah Moden yang membezakan Eropah dari zaman kunonya yang lama. Inilah titik tolak yang wajar mendefinisikan perubahan besar sesuatu zaman di sesuatu rantau seperti di Alam Melayu ini!

[14] Keperluan menganalisis sejarah dunia ini jugalah yang ditekankan oleh Profesor Dato' Dr Siddiq Fadzil sejak lebih 30 tahun yang lalu. Di dalam ucapannya pada tahun 1987, *Gerakan Islam di Dunia Melayu – Tuntutan Zaman dan Cabaran Lingkungan*, beliau menghimbau para aktivis gerakan Islam agar "membina pengalaman dari khazanah sejarah

---

[6] Lihat https://www.youtube.com/watch?v=XHfXlj8u5OA&list=WL&index=3&t=0s. Diakses pada 7 September 2019. Penyampaian Anwar Ibrahim, "*Bahasa Melayu Identiti Negara*", di sampaikan di Seminar Negara Bangsa bertempat di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 7 September 2019.

perjuangan gerakan-gerakan Islam di pelbagai rantau dunia", namun "harus mempunyai pendekatan sendiri dalam menangani realiti serantau yang menjadi daerah tumpuan operasi kita, pendekatan realistik yang terhasil dari sikap responsif dan sensitif kepada tuntutan iklim zaman dan lingkungan yang berbeza." [7]

[15] Rantau Alam Melayu adalah rantau yang unik. Kedudukan geografinya yang strategik menjadikan Alam Melayu bukan sahaja sebagai pintu gerbang (*gateway*) hubungan dagang Timur dan Barat selama berabad-abad, tetapi juga menjadi kancah pertembungan dan persaingan pengaruh agama-agama dan tamadun-tamadun besar dunia. Kerana itulah ia memerlukan strategi dan pendekatan yang juga unik, tanpa perlu menjadi *carbon copy* kepada mana-mana pendekatan gerakan-gerakan lain di rantau-rantau lain.

Revolusi dalaman (*revolution from within*) yang membuahkan perubahan ketamadunan (*civilisational change*) yang hebat dan menginspirasikan selama ini akan sentiasa menemui cabaran demi cabaran yang mungkin lebih genting di masa-masa hadapan.

CABARAN MASA DEPAN

[16] Ada dua (2) cabaran utama yang wajar direnung secara mendalam apabila kita membincangkan peranan dan kepentingan Bahasa Melayu di Nusantara ini, iaitu (i) cabaran keilmuan, dan (ii) cabaran survival ummah.

Cabaran Keilmuan

[17] Cabaran keilmuan adalah cabaran yang sentiasa akan mengganggu proses pendakwahan dan pengislaman di Alam Melayu. Ketika era penjajahan, umat kita berhadapan dengan cabaran pengalaman penjajah Barat menangani pengaruh umat Islam di Eropah dan Sepanyol dalam penghujung abad ke-15. Umat Melayu menghadapi acahan penjajah Barat yang cuba mengelirukan pandangan hidup Islam yang telah terbina selama ini. Proses pendakwahan dan pengislaman tergendala akibat rempuhan pemikiran Barat. Cabaran pemikiran inilah yang membawa bersamanya proses pensekularan sebagai satu program kefalsafahan. Proses pensekularan ini bukan sahaja mempengaruhi pemikiran umat Islam, malah banyak merubah ajaran asasi agama Kristian sendiri.[8]

---

[7] Lihat Siddiq Fadzil (1989) *Koleksi Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM: Mengangkat Martabat Umat.* Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia. Halaman 137-163.

[8] Lihat Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978) *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Bab 1.

Kini, setelah banyak negara-negara umat Islam merdeka dari penjajahan Barat sejak selepas Perang DunIa Kedua (1940-an dan 1950-an), dan ketika kita melalui alaf baru abad ke-21, kita dihadapkan dengan rempuhan pemikiran dan acahan Barat yang berbentuk baru yang kini kita kenali sebagai *Islamophobia*. Ia adalah usaha mengacah oleh tamadun Barat untuk menakut-nakutkan manusia di seluruh dunia terhadap agama Islam. Ketakutan ini dibentuk dalam rupa dan jiwa kekeliruan pemikiran serta mencampur-adukkan antara kepalsuan dan kebenaran lalu mengakibatkan kekacauan fikiran bukan sahaja terhadap mereka yang bukan Islam, bahkan menjangkiti pemikiran umat Islam sendiri.

Hasilnya kejayaan silam yang menginspirasikan umat Islam di pelbagai rantau dunia cuba dinafikan oleh umat Islam sendiri yang sudah tercabut akar budaya dan pemikirannya. Tidak sedikit pula yang menafikan khazanah pengalaman, khazanah ilmu dan khazanah ketamadunan yang wajar menjadi pedoman dan rahmat umat manusia. Kekhuatiran ini tidak sahaja berlaku di rantau Nusantara ini, malah turut dirasai di rantau-rantau lain. Pengalamannya mungkin berbeza, namun *modus operandi*nya tetap sama. Sesungguhnya *Islamophobia* ini adalah satu bentuk neo-kolonialisme penjajahan ilmu alaf baru.

[18] Bahasa adalah salah satu tonggak asas perpaduan negara, dan di Malaysia, kepentingan bahasa kebangsaan ini telah diperuntukkan secara jelas di dalam Perlembagaan Malaysia sebagai sebahagian dari unsur-unsur tradisi di dalam Perlembagaan. Unsur-unsur tradisi yang lain termasuklah peruntukan Islam sebagai agama Persekutuan, dan peruntukan hak istimewa Melayu.

Bahasa mempunyai tugas keramat menyatukan pelbagai ras dan budaya di dalam sesebuah negara. Peranan sejarah bahasa Melayu tidak akan membuatkan kita begitu taksub dengan bahasa Melayu sehinggakan kita menafikan kepentingan bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris sebagai salah satu bahasa dunia dan bahasa Mandarin sebagai bahasa perdagangan di rantau Asia ini. Namun merujuk kepada bahasa dan persuratan Melayu, nilai intrinsiknya sejak zaman berzaman sangatlah penting.

Memutuskan masyarakat kita dari bahasa Melayu bermakna menafikan rujukan khazanah ilmu yang sebegitu banyak yang terkumpul selama ratusan tahun ini. Inilah pendirian yang disikapi oleh seorang pengkaji pemikiran Melayu, Dr Tatiana A. Denisova, di dalam tulisannya *Refleksi Historiografi Alam Melayu (2011).* Malah dengan menafikan pengkajian tulisan jawi sebagai hasil kreativiti umat Melayu setelah melalui proses islamisasi, ribuan manuskrip bahasa Melayu

yang berselerakan di seluruh dunia tidak dapat dinilai dan dimanfaatkan oleh para pengkaji dan ilmuwan kita.[9]

Cabaran Survival Ummah

[19] Kita sedia maklum bahawa rempuhan cabaran yang kita hadapi kini adalah sangat rencam dan ia datang dari pelbagai jurus. *Survival* dan kesinambungan perjuangan ummah tanpa henti ini memerlukan kewaspadaan yang bukan kepalang, *laksana seorang pendekar di tengah gelanggang. Survival* ummah ini juga memerlukan kepimpinan yang benar-benar berketrampilan. Namun, sehubungan ini, peringatan yang disampaikan oleh Profesor Dato' Dr Siddiq Fadzil pada tahun 2013 (yang ketika itu menjadi Presiden WADAH yang pertama) wajar diberi perhatian. Menurut beliau:

"Tidak kurang memprihatinkan adalah kualiti kepimpinan gerakan Islam. Tidak semua orang yang berilmu layak memimpin gerakan Islam. Ilmu hanyalah salah satu *ingredients* kepimpinan, dan bukan segala-galanya. Masih banyak lagi kriteria lain yang harus dipenuhi, terutama hikmah atau *wisdom* dalam pengertian kefahaman yang mendalam tentang sesuatu serta kemampuan berfikir dan bertindak dengan tepat sesuai dengan konteks. Ilmuwan yang layak menjadi guru, belum tentu sesuai memimpin perjuangan." [10]

[20] Bahasa Melayu bukan sahaja bahasa perantaraan pelbagai komuniti di Nusantara; bahkan bahasa Melayu adalah bahasa pemersatu sepertimana bahasa-bahasa dunia yang lain. Sebagaimana bahasa Melayu ini menjadi pemersatu pelbagai komuniti berbilang bahasa di Alam Melayu ini, begitulah potensinya sebagai bahasa pemersatu bagi sesuatu bangsa atau komuniti tanpa mengira tempat dan lokasi. Di mana sahaja kita berada, bahasa akan pasti menampilkan bangsa.

Pemersatuan menerusi bahasa terlaksana di kalangan diaspora komuniti masing-masing yang bertaburan di seluruh dunia. Diaspora ini melakukan upaya masing-masing untuk mengadaptasi dan berinteraksi dengan pelbagai komuniti asal di negara-negara yang menjadi bumi yang mereka pijak dan langit yang sedang dijunjung. Diaspora ini turut berkongsi budaya dan pengalaman kehidupan, menikmati sejarah kenegaraan yang sama dengan komuniti teras sesebuah negara tersebut. Cabaran pemersatuan ini mempunyai potensi besar yang kurang kita lazimi.

---

[9] Lihat Tatiana A. Denisova (2011) *Refleksi Historiografi Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. Halaman 5.

[10] Lihat Siddiq Fadzil (2013) Ucapan Dasar Wadah Pencerdasan Ummah Malaysia (WADAH), 8 September 2013, Universiti Industri Selangor, Shah Alam, Selangor.

RUMUSAN

[21] Muktamar ini antara lain bermatlamat untuk menghimpun sejumlah ilmuan di Alam Melayu khusus membincangkan kedudukan, kepentingan, peranan dan masa hadapan Bahasa Melayu sebagai salah satu Bahasa Islam dan seterusnya membangkitkan kesedaran generasi akan datang tentang kekuatan bahasa pemersatu yang diketepikan sekian lama ini.

[22] Mesej kita ialah mesej kedamaian. Pendekatan serumpun sebegini perlu dikembangkan secara lebih luas dan mendalam – mencakupi segenap jiwa persaudaraan sesama agama (*brotherhood in religion*) dan sesama manusia (*brotherhood in humanity*). Runtunan nafsu perkelompokan asabiyyah sempit bukanlah jawapan kepada cabaran yang kita hadapi kini. Kita perlukan jiwa hening, pemikiran tenang dan suasana damai lagi stabil.

Mesej perdamaian dan persaudaraan ini wajar diraih dengan bahasa *lingua franca*[11] sebagaimana Bahasa Mandarin yang menyatukan Tanah Besar China dengan 50 juta[12] Diaspora China seluruh dunia. Begitulah juga kesatuan Bahasa Hindi dengan 31 juta[13] Diaspora India dan Bahasa Turki dengan 6 juta[14] Diaspora Turki di seluruh dunia. Sebagai lanjutan pemikiran ini jugalah maka Bahasa Melayu adalah pemersatu bangsa manusia di Nusantara ini!

Kuala Lumpur
9 September 2019
9 Muharram 1414H

---

[11] *Lingua franca* ialah istilah Latin yang membawa maksud bahasa perantaraan.

[12] Anggaran tahun 2013. Lihat http://www.culturaldiplomacy.org/academy/index.php?chinese-diaspora. Diakses pada 1 September 2019.

[13] Anggaran tahun 2018. Lihat https://en.wikipedia.org/wiki/Non-resident_Indian_and_person_of_Indian_origin. Diakses pada 1 September 2019.

[14] Anggaran tahun 2009. Lihat https://en.wikipedia.org/wiki/Turkish_diaspora. Lihat juga http://www.mfa.gov.tr/the-expatriate-turkish-citizens.en.mfa. Diakses pada 1 September 2019.